

PM: Pertahankan maruah negara

KUALA LUMPUR, Jumaat

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya menggunakan nasionalisme untuk mencapai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang bermanfaat, bagi mengekalkan keutuhan agama, bangsa dan negara.

Nasionalisme juga katanya, dapat mempertahankan kebebasan dan maruah bangsa daripada digugat oleh penjajahan bentuk baru — neo-kolonialisme yang berlaku melalui penguasaan ekonomi, ideologi politik atau kongkongan kebudayaan.

Perdana Menteri berkata, jika penjajahan bentuk baru itu dibenarkan, kemerdekaan yang diperjuangkan dahulu akan menjadi sia-sia.

**BERITA HARIAN HARI INI TERBIT
40 MUKA TERMASUK 16 MUKA
RENCANA KHAS MENYAMBUT
PERAYAAN KEMERDEKAAN KE 28**

Di Malaysia, katanya, kesan neo-kolonialisme sudah pun dirasai, walaupun ramai yang masih tidak sedar. Umpamanya penjajahan kebudayaan yang berlaku tanpa penggunaan tentera atau wang.

"Penjajahan tidak lagi bermakna penaklukan secara langsung. Dalam dunia yang semakin kecil/disebabkan perhubungan yang lebih mudah, gejala neo-kolonialisme sudah muncul. Neo-kolonialisme dilakukan melalui penguasaan ekonomi, ideologi politik atau kongkongan kebudayaan," katanya dalam perutusan Hari Kebangsaan Ke-28 menerusi Radio malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, penjajahan, apa juga jenisnya, tetap akan menyekat kebebasan rakyat.

Katanya, pendekatan yang paling berkesan bagi menghadapi penjajahan baru ini ialah melalui penguasaan ilmu pengetahuan di semua bidang termasuk agama dan melengkapkan diri dengan segala kemahiran.

"Kita akui kita telah maju dan dapat membangun dengan pesat, tetapi kita masih jauh ke belakang berbanding negara maju. Semoga satu hari nanti rakyat kita boleh meneroka dasar laut mencari hasil petroleum sendiri, mengeluarkan alat-alat pekilangan, serta menyaksikan keindahan pewujudan Allah di langit dan di bumi.

Positif

"Semoga kita dapat mentafsir dan memahami ajaran-ajaran agama sehingga tidak ada yang boleh memperdayakan kita," katanya.

Beliau menegaskan, nasionalisme mempunyai unsur-unsur positifnya sendiri iaitu perpaduan. Ini terbukti ketika rakyat menentang Malayan Union dan komunis, sehinggalah negara dapat menamatkan darurat pada tahun 1960.

Menyentuh tema perayaan — Nasionalisme Teras Perpaduan — Datuk Seri Dr Mahathir berkata, penerapan tema ini akan menebalkan semangat rakyat menentang perpecahan, pergeseran dan unsur-unsur negatif.

"Banyak liku-liku sejarah yang membuktikan bahawa perpecahan membawa kepada keruntuhan dan kemunduran. Tidak satu pun kemajuan yang dapat dicapai oleh satu-satu masyarakat tanpa perpaduan.

"Apabila wujud perasaan tamak, mementingkan diri daripada kepentingan ramai dan pandai mencari kesalahan orang lain serta gejala lain, sesebuah masyarakat akan menjadi lemah dan akhirnya hancur, atau ia akan dijajah semula," katanya.

Perdana Menteri berkata, sepanjang sejarah manusia, proses itu berlaku dan ia harus dijadikan pengajaran.